

# Bebas beg plastik, sediakan alternatif

SAUDARA PENGARANG,

**B**ERMULA Januari 2017, kerajaan negeri Selangor telah menguatkuasakan caj 20 sen kepada penggunaan beg plastik di premis perniagaan. Langkah ini adalah lanjutan daripada kempen tanpa beg plastik yang dilaksanakan di Selangor setiap Sabtu sebelum ini.

Langkah penguatkuasaan ini diharap dapat mengurangkan sisa buangan plastik. Ini adalah kerana, statistik pembuangan sisa plastik di Malaysia amat membimbangkan.

Menurut Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, sumber buangan kedua terbesar ialah plastik iaitu sembilan peratus atau RM163 juta. Seperti yang sedia maklum sisa plastik yang telah digunakan mengambil masa beratus tahun untuk diuraikan.

Jadi amat wajar jika langkah mengurangkan penggunaan beg plastik dijalankan dengan segera. Bagaimanapun, langkah kerajaan negeri itu disambut dengan pelbagai reaksi daripada rakyat negeri Selangor.

Ada yang menyokong penuh usaha tersebut dan ada juga yang menyokong tetapi mempersoalkan kewajaran caj sebanyak 20 sen dikenakan kepada pengguna. Dalam masa sama ada juga golongan yang skeptikal dan langsung tidak menyokong langkah kerajaan negeri ini dalam usaha mengurangkan penggunaan beg plastik.

Pada hakikatnya, jika dilihat dari segi kesediaan pengguna di Malaysia untuk mengurangkan penggunaan beg plastik, situasinya

## Bebas plastik atau kempen beli beg plastik?



KERATAN Utusan Malaysia 18 Januari 2017.

masih di tahap yang tidak memuaskan. Justeru, kesediaan pengguna perlu ditingkatkan dengan pelbagai cara antaranya dengan memberi maklumat tentang kepentingan mengurangkan penggunaan beg plastik.

Namun begitu, maklumat sahaja tidak memadai untuk meningkatkan kesediaan pengguna mencari alternatif menggantikan beg plastik. Banyak kajian yang menunjukkan memberikan maklumat sahaja tidak mampu menggerakkan individu untuk bersedia melakukan sesuatu perkara.

Contohnya seperti maklumat tentang pencemaran alam sekitar yang disampaikan dalam kempen-kempen kesedaran. Bagi memastikan kempen mencapai matlamat, maklumat tentang alam sekitar perlu disusuli dengan beberapa faktor pendorong lain. Antaranya menjadikan kesedaran memelihara alam sekitar sebagai budaya setempat.

Begitu juga dengan kempen mengurangkan penggunaan

beg plastik. Pihak berkaitan sewajarnya menyediakan beg kertas atau kotak percuma kepada para pengguna. Pengguna yang tidak menggunakan beg plastik juga boleh diberikan rebat tunai ataupun kupon percuma.

Kaedah sebegini ini dari segi psikologi dikenali sebagai peneguhan positif. Peneguhan positif berfungsi sebagai ganjaran yang mendorong individu mengulangi tingkah laku berulang-ulang.

Sebaliknya pendekatan yang diguna pakai oleh kerajaan negeri Selangor adalah dengan menggunakan faktor ekonomi iaitu dengan memaksa pengguna membayar 20 sen jika ingin menggunakan beg plastik.

Dari segi psikologi, kaedah sebegini dipanggil peneguhan negatif. Kedua-dua kaedah sama ada peneguhan positif atau negatif mempunyai kelebihan dan kekurangan. Kedua-dua kaedah mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mengurangkan penggunaan beg plastik.

Sungguhpun begitu penerimaan individu terhadap peneguhan negatif ini tidak disambut dengan begitu baik terutama ketika rakyat dibebani dengan pelbagai kenaikan harga barang.

Budaya masyarakat setempat juga memainkan peranan penting dalam mendorong individu melakukan sesuatu tindakan. Dalam konteks penggunaan beg plastik, budaya masyarakat di Malaysia sinonim dengan penggunaan beg plastik sama ada di kedai, pasar malam dan juga di pasar raya.

Budaya membawa beg sendiri untuk membeli-belah masih asing dalam masyarakat Malaysia. Oleh itu, tidak hairanlah ramai pengguna memilih untuk membayar 20 sen daripada membawa beg sendiri ketika membeli-belah.

Hakikatnya, untuk membudayakan sesuatu amalan pasti memakan masa yang lama. Sehubungan itu, tidak mungkin dalam jangka masa terdekat ini perubahan yang diharapkan akan menunjukkan hasil secara drastik. Justeru disyorkan amalan mengurangkan beg plastik hendaklah bermula dari rumah dan seterusnya komuniti.

Bagi saya masih terlalu awal untuk membuat kesimpulan berkaitan keberkesannya. Apapun usaha ini perlu dijalankan secara berterusan dan perlu dinilai secara holistik termasuk melakukan penambahbaikan bagi memastikan matlamatnya tercapai.

**SITI NUR DIYANA MAHMUD**  
Pensyarah Pendidikan Alam Sekitar,  
Universiti Kebangsaan Malaysia